



TERIKAT KEDUDUKAN

Ketika Mutaz Essa Barshim atlit lompat tinggi dari Qatar dan Gianmarco Tamberi atlit Itali terikat kedudukan di ketinggian 2.37 meter maka sepatutnya akan ada lompatan penentuan bagi menentukan siapakah yang akan menjadi juara.



BARSHIM BERTEMU COMITTE DAN BERTANYA




Namun Barshim telah menemui comitte dan bertanya bolehkah dia dan Tamberi berkongsi kemenangan di tempat pertama. Cadangannya untuk berkongsi kemenangan itu, telah dipersetujui oleh pihak penganjur. Ini membuatkan mereka berdua bersorak kegembiraan.

SEBAB BARSHIM BERBUAT BEGITU



Apabila ditanya kepada Barshim kenapa dia menawarkan berkongsi emas dengan Tamberi, Barshim menjawab: "For me, coming here, I know for a fact that for the performance I did, I deserve that gold. He did the same thing. So, I know he (also) deserves that Gold."



MENINGGALKAN KESAN POSITIF

Peristiwa manis itu meninggalkan kesan positif kepada para peminat sukan seluruh dunia. Mereka berdua telah menerima pujian ramai. Malah ada yang mengatakan, inilah semangat sukan yang sebenar.

KALI TERAKHIR BERKONGSI PINGAT



Kali terakhir berlaku peserta olimpik berkongsi kemenangan di pentas podium ialah pada tahun 1912 di Sweden, apabila dua orang peserta wrestling, Ivar Theodor Böhling dari Finland dan Anders Oscar Ahlgren dari Sweden terikat dengan markah yang sama, tetapi situasi olimpik ketika itu, pihak penganjur memutuskan tiada pemenang pingat emas, hanya kemenangan tempat kedua sahaja. Maka, mereka hanya dianugerahkan pingat perak.



SALING BERKALUNG EMAS



Tetapi kali ini keadaan menjadi lebih baik apabila, Barshim dan Tamberi keduanya dianugerahkan tempat pertama dan layak mendapat pingat emas setiap seorang. Sejarah pun tercipta. Mereka berkongsi podium dan saling mengalungkan pingat.

Tamberi mengalungkan pingat kepada Barshim dahulu. Kemudian Barshim mengalungkannya pula kepada Tamberi.

PENCAPAIAN BARSHIM DAN TAMBERI

Jika dilihat pencapaian Barshim sudah tentu lebih mudah baginya untuk memenangi emas. Ini kerana dengan rekod 15 emas, 3 perak dan 2 gangsa di pertandingan besar dunia yang pernah dimenangnya, sudah tentu mudah untuknya mengalahkan Tamberi. Sedangkan pencapaian Tamberi hanya 4 emas, 1 perak dan 1 gangsa. Tetapi Barshim lebih memilih untuk menamatkan saingan dengan berkongsi kejuaraan.

PENGAJARAN



Kita perlulah berjiwa besar



saling menguatkan.



Memilih nilai persahabatan lebih utama dari pingat kemenangan.

وبشروا ولا تنفروا

"Dan gembirakanlah jangan biarkan mereka lari darimu."

(Hadis Sahih)